

Undian tajuk Dolak Dalik SPR
HarakahDaily
Julai 27, 2011

KUALA LUMPUR, 27 Julai: Mulai hari ini, undian dilakukan terhadap tajuk muka depan Harakah bil 1661 yang akan berada di pasaran mulai esok, Khamis dengan tajuk 'Dolak-Dalik SPR' digunakan sebagai tajuk berita utama.

Ini berikutan kenyataan Timbalan Pengerusi Suruhanjaya Pilihanraya (SPR), Wan Ahmad Wan Omar berdolak dalik ketika membincangkan isu reformasi sistem pilihan raya pada majlis forum anjuran Kumpulan Karang kraf di Shah Alam, 26 Julai lalu.

Bagi membaca kenyataan penuh, boleh baca Harakah cetak atau terus langgani harakah digital yang dikenali bagi 'elektronik paper' di alamat, <http://epaper.harakah.net.my>

Undian ini terbuka kepada semua pembaca dan mereka boleh mengundi sekali sahaja sama ada untuk setuju atau tidak setuju atau tidak pasti dengan pilihan tajuk berkenaan.

Untuk membuat undian, boleh terus kepada link <http://myharakah.net>.

Sejauh mana popularnya tajuk ini digunakan sebagai tajuk utama akhbar Harakah akan dilihat dalam tempoh dua hari lagi, manakala pada hari Sabtu nanti, kita akan mengundi tajuk lain pula.

Manakala keputusan undian bagi tajuk Harakah sebelum ini, 'Jumpa di mahkamah' menurun sedikit kepada 92.31 peratus atau 324 daripada 351 undian bersetuju dengan tajuk tersebut.

Terdapat 17 undian (4.84%) yang tidak bersetuju dan juga 10 undian (2.85 %) yang berkecuali atau tidak pasti.

Untuk melihat keputusan terperinci terhadap undian semasa dan juga undian-undian yang telah dilakukan sebelum ini, boleh terus kepada link <http://myharakah.net/polls.php>.

Copyright © 2010 Harakahdaily

Source: <http://bm.harakahdaily.net/index.php/berita-utama/4593-undian-tajuk-dolak-dalik-spr>